

ORIGINAL ARTICLE

TAFSIRAN HOMOSEKSUAL DI ANTARA PENGKAJI BIBLE DENGAN TEKS KISAH SODOM: SATU ANALISIS PERBANDINGAN

(Interpretations of Homosexuality Between Bible Scholars and the Text of the Story of Sodom: A Comparative Analysis)

Mohd Azwan bin Md Yasim* and Muhammad Azizan bin Sabjan

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800, USM Penang, Malaysia

ABSTRACT – The story of Sodom is an event of torment due to homosexual behavior. However, the text of the story of Sodom was reinterpreted by Bible scholars as appropriate. Accordingly, this study brings together the issues in the Story of Sodom. These issues are raised by Bible scholars in the fight for the fate of homosexuals. Based on the literature review, it was found that Bible scholars did not condemn homosexuality for the following reasons: the authenticity of the same-sex text in the story of Sodom is disputed; the purpose of the inhabitants of Sodom conducting a survey; causes of same-sex attempts; Lot's stance on same-sex union; the cause of the destruction of the people of Sodom; the purpose of the inhabitants of Sodom was to seduce Lot's guests; and the appropriateness of the story of Sodom as a lesson. Accordingly, in order to obtain accurate evidence, content analysis was conducted by comparing the Bible scholars' interpretation with the text of the story of Sodom in the Bible. Successful analysis proves that the prohibition of same-sex union described in the story of Sodom is clear. It can be used as a strong argument to forbid Christians who practice homosexuality.

ABSTRAK – Kisah Sodom merupakan satu kejadian azab akibat kelakuan homoseksual. Namun, teks kisah Sodom ditafsir semula oleh pengkaji Bible mengikut kesesuaian semasa. Sehubungan itu, kajian ini menghimpunkan isu-isu di dalam Kisah Sodom. Isu-isu ini dibangkitkan oleh pengkaji Bible dalam memperjuangkan nasib homoseksual. Berdasarkan kepada kajian kepustakaan, didapati bahawa pengkaji Bible tidak mengutuk homoseksual di atas sebab: kesahihan teks seks sesama jantina di dalam kisah Sodom dipertikaikan; tujuan penduduk Sodom melakukan tinjauan; punca kepada cubaan seks sesama jantina; pendirian Lot terhadap seks sesama jantina; punca kemusnahan penduduk Sodom; tujuan penduduk Sodom ingin melihat tetamu Lot; dan kesesuaian kisah Sodom sebagai pelajaran. Sehubungan itu, bagi mendapat bukti yang tepat, analisis kandungan telah dijalankan dengan membandingkan di antara tafsiran pengkaji Bible dengan teks kisah Sodom di dalam Bible. Analisis berjaya membuktikan bahawa larangan seks sesama jantina yang dijelaskan di dalam kisah Sodom adalah jelas. Ia mampu dijadikan hujah yang kuat untuk melarang penganut Kristian yang mengamalkan homoseksual

ARTICLE HISTORY

Received: 9 Nov 2020

Revised: 19 Nov 2020

Accepted: 21 Dec 2020

KEYWORDS*The story of Sodom**The Bible**Christianity**Homosexuality***PENDAHULUAN**

Perkataan Sodom dikenali sebagai *sodomi*, *sodomize*, atau *sodomite* (David dan Letha, 2005). Selain nama-nama berikut, Sodom juga digelarkan *sadomasokisme* atau kelainan dalam teknik seks. Maksudnya, hubungan seksual setelah menyakiti atau menyiksa pasangannya. Perkataan yang berlawanan dengannya pula adalah *masokisme* iaitu sengaja membiarkan diri disakiti atau disiksa untuk memperolehi kepuasan seksual (Munadi, 2018, p. 22).

Menurut Innocent Himbaza et al. (2011, p. 7), untuk memahami homoseksual menurut perspektif Bible, tumpuan perlu diberi kepada Kisah Sodom. Kisah Sodom bermula dengan anak saudara Abraham, Lot baru berpindah ke kota tersebut. Lot adalah seorang yang soleh tetapi dia tertekan disebabkan kejahatan yang berlaku di sekelilingnya tanpa rasa malu (2 Petrus 2:7-8). Pada satu ketika, Tuhan dan dua malaikat yang menyerupai lelaki menziarahi Abraham untuk memberi khabar kepadanya bahawa isterinya Sarah akan melahirkan seorang anak lelaki. Di samping itu, Tuhan juga menghabarkan bahawa penduduk Sodom akan dimusnahkan disebabkan kejahatan penduduknya (David dan Letha, 2005, p. 85).

Pada masa yang sama, dua orang malaikat tersebut juga diutuskan untuk meninjau penduduk Sodom bagi mendapatkan kepastian. Ketika itu, Abraham sempat berbicara dengan Tuhan. Abraham dapati, Tuhan bersedia memaafkan sesebuah penduduk jika sekurang-kurangnya ada 10 orang yang baik. Namun, Kota Sodom tidak didiami oleh orang yang baik kecuali keluarga Lot (Kejadian 18:23-32).

Setibanya malaikat di Sodom, Lot menjemput malaikat yang diutus datang ke rumahnya. Lot melayani mereka dengan ramah dan menghidangkan makanan. Sebelum menyediakan persiapan untuk bermalam, berlakunya kekecohan di luar rumah oleh penduduk Sodom. Mereka berteriak agar tetamu Lot dibawa keluar. Semasa peristiwa ini, bermulalah perbezaan tafsiran oleh pengkaji Bible seperti D. James dan Jerry (2004); David dan Letha (2005); Ellens et al. (2006); dan Vines (2014) yang melontarkan pendapat masing-masing.

Objektif Kajian

Sehubungan itu, objektif kajian yang akan dilakukan tertumpu kepada:

1. Menghimpunkan perbezaan tafsiran oleh pengkaji Bible terhadap teks seks sesama jantina di dalam kisah Sodom.
2. Menghimpunkan teks kisah Sodom yang digunakan oleh pengkaji Bible untuk mentafsirkan seks sesama jantina.
3. Menganalisis hubungan di antara tafsiran pengkaji Bible dengan teks seks sesama jantina di dalam kisah Sodom.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kepustakaan. Data kajian yang dikumpul adalah data kualitatif yang berbentuk deskriptif. Menurut Jasmi (2012), data seperti ini berbentuk tulisan atau kata-kata lisan tentang tingkah laku manusia. Ia dapat diamati melalui hasil pemerhatian, hasil perbicaraan, dan bahan bertulis. Sehubungan itu, untuk mencapai objektif satu, kajian ini menghimpunkan data dari bahan yang ditulis oleh ahli-ahli akademik.

Sementara itu, untuk mencapai objektif dua pula, bahan bertulis daripada teks Bible turut dihimpunkan. Menurut Stahlberg (2008, p. 463), usaha yang baik untuk mengatasi konflik seks sesama jantina adalah dengan menumpukan kepada teks-teks Bible yang dijadikan isu secara khusus. Kemudian ia disusuli oleh teks-teks yang dikaitakan secara tidak langsung dengan menjelajahi keseluruhan teks-teks Bible.

Akhirnya, analisis kandungan dapat dilakukan untuk mencapai objektif tiga. Bagi mencapai objektif ini, penyelidik menggunakan perisian ATLAS.ti 7 untuk menganalisis data. Perisian ini dipilih kerana ia dapat mengenal pasti perkataan, frasa, ayat, serta menjadualkan daptan analisis yang diperolehi dengan sistematis. Sehubungan itu, kajian ini dimulakan dengan menghimpunkan isu-isu tafsiran pengkaji Bible terhadap teks Sodom.

TAFSIRAN PENGKAJI BIBLE TERHADAP TEKS KISAH SODOM

Didapati bahawa pengkaji Bible seperti David dan Letha (2005), Antsey (2019), Ellens et al. (2006), Vines (2014), dan Brownson (2013) menyokong bahawa teks di dalam kisah Sodom tidak mengutuk seks sesama jantina. Dakwaan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah yang disenaraikan seperti di bawah:

i. Kesahihan Teks Seks Sesama Jantina di dalam Kisah Sodom Dipertikaikan

Pengkaji Bible mendakwa Kisah Sodom tidak menumpukan kesalahan seks sesama jantina. Ini kerana, teks di dalam Kisah Sodom didakwa telah bercampur dengan sumber luar. Menurut David dan Letha (2005), tingkah laku seks sesama jantina yang disebutkan di dalam kisah Sodom telah dipetik daripada Epistles. Epistles ialah surat yang ditulis kepada kumpulan Kristian tertentu. Namun, surat ini berjaya mempengaruhi gereja lalu menganggap seks sesama jantina adalah satu perkara yang layak untuk dimasukkan ke dalam Bible.

Akibat daripada berlakunya campur aduk teks luar Bible, kesahan teks Sodom dipertikaikan kerana Bible didakwa tidak lagi mengandungi perkataan daripada Tuhan sepenuhnya. Justeru, pengamal homoseksual atau homofilia percaya teks yang menjelaskan kisah Sodom tidak boleh digunakan untuk menghukum pelaku homoseksual. Pendapat ini disokong Vines (2014) yang mengakui seks sesama jantina adalah keji. Namun, ia tidak bermakna Kristian menganggap ia merupakan satu dosa.

ii. Tujuan Penduduk Sodom Melakukan Tinjauan

Menurut David dan Letha (2005, p. 86), homofilia percaya gangguan penduduk terhadap tetamu Lot bukan untuk tujuan seksual. Sebaliknya, penduduk lelaki di kota Sodom ingin meninjau tetamu Lot kerana bimbang jika mereka adalah tentera musuh. Penduduk Sodom berasa curiga kerana mereka tidak mengenali Lot yang merupakan penduduk yang baru menetap di kota tersebut. Tambahan pula, penduduk melakukan tinjauan disebabkan Lot membuat keputusan sendiri mempelawa tetamu ke rumahnya tanpa memberi penjelasan kepada pihak berkuasa di kota.

Pendapat ini selari dengan Ellens et al. (2006, p. 107) yang mendakwa Lot telah melanggar peraturan kota kerana membawa tetamu tanpa kebenaran. Penduduk mengambil keputusan untuk menyelidik tetamunya. Tindakan ini penting di dalam undang-undang masyarakat Sodom. Oleh itu, Ellens et al. (2011) berpendapat tidak wajar untuk menilai seks sesama jantina di dalam teks Bible secara negatif. Sehubungan itu, teks Bible bukan untuk menjelaskan mengenai tingkah laku homoseksual dan hukuman kepada pelakunya.

iii. Punca Kepada Cubaan Seks Sesama Jantina

Tafsiran pengkaji Bible yang selanjutnya ialah larangan dan tawaran Lot menambah kemarahan penduduk. Perbezaan tafsiran berlaku pada teks yang menjelaskan penduduk berkumpul beramai-ramai di luar rumahnya. Penduduk memaksa tetamunya keluar untuk melakukan seks. Namun, Lot menasihati mereka supaya tetamunya tidak diganggu. Lot sanggup menawarkan dua orang anak perempuannya untuk dikahwini berbanding menyerahkan tetamunya. Ini kerana, Lot menganggap tetamunya adalah lelaki yang layak untuk dipelawa dan diberi perlindungan seperti yang dijelaskan di dalam Kejadian 19:9 (David dan Letha, 2005, p. 86).

Menurut Ellens et al. (2006), tawaran Lot agar penduduk tidak diganggu ialah dengan menjadikan anaknya sebagai ganti. Dia sedar penduduk tidak mengancam anak gadisnya itu. Penduduk juga mengetahui bahawa anak Lot akan menolak pelawaan tersebut. Pada situasi ini Ellens et al. (2006) mendakwa tindakan Lot menawarkan anaknya untuk dikahwin hanya menjadi bahan ketawa kepada yang lain. Malah, ia menimbulkan kemarahan penduduk. Akibat daripada pelawaan tersebut, ketegangan penduduk memuncak apabila bertindak kasar dengan memecahkan pintu untuk melihat tetamu Lot yang berada di dalam rumah.

Selain itu, tindakan Lot yang berani menolak kemahuan penduduk telah mencabar keupayaan mereka. Halangan Lot menyebabkan penduduk yang lebih dominan merasa terhina sehingga mencetuskan sikap agresif mereka. Sedangkan di pihak Lot pula, dia merasa bertanggungjawab dari segi keselamatan, kebajikan, dan layanan kepada tetamunya (Ellens et al, 2006, 113).

iv. Pendirian Lot Terhadap Seks Sesama Jantina

Menurut Ellens et al. (2006, p. 113), Lot tidak memutuskan bahawa seks sesama jantina adalah perbuatan yang salah. Ini kerana, Lot dilihat menerima ciri-ciri pergaulan seks sesama jantina sebagai budaya di Sodom pada masa itu. Sedangkan, Lot hanya melarang melakukan seksual kepada tetamu yang tidak dikenali tanpa mendapatkan persetujuan. Sehubungan itu, Ellens et al., (2006, p. 115) berpendapat dosa penduduk Sodom bukan disebabkan oleh seks sesama jantina tetapi disebabkan sikap penduduk yang tidak menghormati tetamu.

v. Punca Kemusnahan Penduduk Sodom

Menurut David dan Letha (2005, p. 92-93), homofilia sepakat bahawa seks sesama jantina yang berlaku di dalam kisah Sodom adalah bukan kesalahan utama yang dibangkitkan. Sebaliknya, tafsiran kisah Sodom tertumpu kepada dosa penduduk terhadap tetamu asing. Mereka memberi layanan buruk, ganas, zalim dan bertindak kasar kepada Lot dan tetamunya. Menurut Brownson (2013, p. 268-269) dan Innocent Himbaza et al. (2011, p. 41), pengikut Kristian setuju bahawa keganasan seksual penduduk di dalam kisah Sodom adalah perbuatan ganas. Ia jelas menunjukkan perlakunya perlanggaran maruah manusia. Jika dibandingkan dengan merogol wanita, perbuatan meliwt yang ganas tanpa persetujuan adalah lebih melampau.

Pendapat ini disokong Vines (2014). Beliau mendapati, kajian terhadap kitab yang ditulis di antara abad kedua dan pertama Sebelum Masihi menyatakan dosa kisah Sodom adalah berpusatkan kepada penindasan dan layanan buruk. Contohnya Sirach 16:8 dan 3 Maccabees 2:5 menyatakan Tuhan membenci penduduk Sodom kerana berlaku sompong manakala di dalam Wisdom 19:15 pula menyatakan penduduk Sodom tidak ramah dan melayan tetamu asing dengan kasar.

Menurut Brownson (2013) dan Innocent Himbaza et al. (2011, p. 41) pula, kemusnahan penduduk Sodom dalam Kejadian 19 adalah tertumpu kepada rasuah. Ia terjadi semasa Lot yang menawarkan anak gadisnya kepada penduduk yang mahukan tetamunya untuk diliwt. Perbuatan merasuah dengan menawarkan wanita menggambarkan bahawa zina adalah lebih mulia daripada meliwt lelaki. Sedangkan rogol dan rasuah juga merupakan satu kesalahan (Brownson, 2013).

Selain itu, jika dibandingkan dengan Yesaya 1:4, dan Yesaya 1:10, dosa-dosa yang ditekankan tidak bersifat seksual (Vines, 2014). Sebaliknya, ia menjurus kepada dosa yang dilakukan bangsa Yehuda seperti penolakan kepada Yehuwa, tidak menghormati dan meninggalkannya, dan perbuatan seperti upacara menyambut perayaan dan sembahyan korban. Pada masa yang sama, mereka tidak menegur orang yang melakukan penindasan, tidak mempertahankan hak anak yatim dan balu.

vi. Tujuan Penduduk Sodom Ingin Meliwt Tetamu Lot

Menurut Vines (2014), penduduk Sodom yang lebih dominan cuba meliwt tetamu Lot adalah bertujuan untuk menjatuhkan maruah kepada yang lemah. Maksudnya, penduduk Sodom menuntut Lot menyerahkan tetamunya bukan untuk keinginan seks, tetapi liwat berkumpulan sebagai tanda penghinaan. Vines mendakwa penduduk Sodom tidak berminat untuk melakukan seksual terhadap tetamu Lot. Namun ancaman liwat adalah sebagai tanda kemenangan dan dominasi.

Ia berpunca daripada Lot yang cuba menawarkan anaknya sehingga menyebabkan keinginan penduduk yang asalnya ingin meninjau tetamu Lot telah bertukar kepada meliwt secara berkumpulan. Tindakan liwat menggambarkan kejayaan penduduk Sodom mengalahkan musuh lelaki. Ia merupakan tanda penghinaan kepada pihak yang lemah. Sebaliknya ia menjadi kebanggaan kepada pasukan yang menang. Lelaki yang menjadi mangsa liwt pula dianggap kehilangan keturunan dan tidak lagi dianggap pahlawan (David dan Letha, 2005, p. 86; Munadi, 2015, p. 74). Ia biasanya diraikan pada zaman kuno Timur Tengah terhadap raja yang kalah dalam perperangan atau orang asing yang memasuki tempat yang didominasi oleh penduduk asli.

vii. Kesesuaian Kisah Sodom Sebagai Pelajaran

Hujah yang terakhir ialah seks sesama jantina di dalam kisah Sodom didakwa tidak sesuai untuk dijadikan pelajaran. Menurut Brownson (2013, p. 268-269), kisah-kisah tersebut sudah tidak sesuai untuk dijadikan iktibar kepada generasi di zaman ini. Sebaliknya, hubungan seksual perlu dinilai dari segi hubungan yang berkekalan, kasih sayang, dan komitmen seksual.

Tambah beliau, masalah dalam memilih pasangan seksual yang sepadan dan kesungguhan dalam menjaga hubungan adalah satu isu yang lebih serius. Homofilia berpendapat, hubungan seks secara sukarela lebih mulia jika dibandingkan dengan hubungan seks yang ganas yang dilakukan oleh pasangan heteroseksual.


TEKS KISAH SODOM

Merujuk kepada isu-isu di atas, adalah wajar untuk merujuk semula teks Bible yang digunakan dalam mentafsirkan seks sesama jantina di dalam kisah Sodom. Merujuk Bible, teks yang menjelaskan mengenai kisah Sodom terdapat di dalam Kejadian 13:13, Kejadian 19:1-26, Yehezkiel 16:49-50, Petrus 2:6-13, dan Yudas:7. Teks-teks ini merupakan rujukan yang lengkap untuk menjelaskan kisah penduduk Sodom yang melakukan hubungan seks sesama jantina dan perbuatan seks yang tidak bermoral.

Jika dirujuk di dalam Yehezkiel 16:46-50, Sodom ialah kota yang didiami oleh penduduk yang sering melakukan perkara jijik, berlaku sompong dan angkuh, hidup bermewah-mewah, dan mempunyai makanan yang melimpah-ruah. Gaya hidup penduduk Sodom ini turut dijelaskan lagi di dalam Kejadian 13:13. Teks tersebut menjelaskan bahawa penduduk Sodom sangat jahat dan melakukan banyak dosa yang menjijikkan di hadapan Yehuwa.

Merujuk Teks Kejadian 19:1-26 pula, penyelidik akan bahagikan Kisah Sodom kepada lima situasi. Situasi pertama ialah pertemuan Abraham dengan Yehuwa. Situasi kedua adalah semasa kunjungan dua orang malaikat yang diutuskan Yehuwa menemui Lot di Kota Sodom. Situasi ketiga adalah semasa berlangsungnya pertikaman lidah di antara Lot dengan penduduk Sodom. Situasi keempat ialah semasa berlakunya pertengkarannya di antara Lot dengan penduduk Sodom. Situasi kelima ialah kejadian berlakunya peristiwa penduduk Sodom ditimpah azab.

Justeru, satu kerangka telah direka bentuk bagi menunjukkan perhubungan yang jelas terhadap teks-teks Bible yang menjelaskan kisah Sodom. Kerangka yang dimaksudkan dipaparkan pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Kerangka teks kisah Sodom menurut perspektif Bible

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan analisis tujuh isu yang dibangkitkan. Ia termasuklah kesahihan teks seks sesama jantina di dalam kisah Sodom dipertikaikan; tujuan penduduk Sodom melakukan tinjauan; punca kepada keinginan seksual; pendirian Lot terhadap seks sesama jantina; punca kemusnahan penduduk Sodom; tujuan penduduk Sodom ingin melihat tetamu Lot; dan kesesuaian kisah Sodom sebagai pelajaran..

Analisis isu pertama adalah kesahihan teks seks sesama jantina di dalam kisah Sodom dipertikaikan. Analisis mendapati tiada bukti yang kukuh untuk mendakwa kisah Sodom bercampur dengan sumber luar yang dimasukkan ke dalam Bible. Lebih-lebih lagi teks yang didakwa sumber luar tersebut hanya tertumpu pada seks sesama jantina. Sedangkan teks yang dicatatkan di dalam Kejadian 19:1-26, Yehezkiel 16:49-50, dan Petrus 2:6-13 saling berkaitan. Teks-teks ini mampu menggambarkan secara tepat gaya hidup penduduk Sodom pada ketika itu.

Analisis isu kedua adalah tujuan penduduk Sodom melakukan tinjauan. Analisis mendapati pengkaji Bible gagal membuktikan bahawa penduduk menyerbu rumah Lot untuk melakukan tinjauan terhadap musuh. Bahkan tujuan mereka adalah untuk memikat tetamu Lot dan ingin mengadakan hubungan seksual. Hal ini dibuktikan daripada ciri-ciri penduduk Sodom seperti yang dijelaskan di dalam teks Yudas 7 dan Petrus 2. Penilaian terhadap teks ini berjaya membuktikan bahawa potensi penduduk menyerbu rumah Lot untuk melakukan seks sesama jantina adalah tinggi berbanding melakukan tinjauan untuk menjaga keamanan kota.

Analisis isu ketiga adalah punca kepada cubaan seks sesama jantina. Analisis mendapati, punca kepada keinginan seksual bukan disebabkan oleh tawaran dan larangan Lot terhadap penduduk. Sedangkan Lot sendiri berat hati menawarkan anaknya sendiri. Namun, di atas rasa hormatnya kepada tetamu, jalan yang terbaik adalah menyerahkan anaknya untuk dikahwinkan. Sedangkan larangan Lot pula adalah berbentuk nasihat kerana dia sedar penduduk lebih dominan. Namun, penduduk menolak nasihat yang benar.

Analisis isu keempat adalah pendirian Lot terhadap seks sesama jantina. Analisis mendapati Lot tidak menerima kelakuan seks sesama jantina walaupun secara suka rela. Namun, dia merupakan minoriti yang tidak mempunyai kekuatan untuk mencegah sikap buruk penduduk. Penduduk pula tidak mempunyai rasa hormat kepadanya. Lebih-lebih lagi ajaran guru-guru palsu mempengaruhi penduduk melakukan hal yang bertentangan dengan kehendak Yehuwa (Petrus 2:13). Dalam hal ini, Lot yang diakui baik oleh Tuhan (Petrus 2:7) tidak layak untuk dipersalahkan.

Analisis isu kelima adalah punca kemusnahan penduduk Sodom. Analisis berjaya membuktikan bahawa terlalu banyak kesalahan yang dilakukan oleh penduduk Sodom. Kesalahan tidak hanya tertumpu pada layanannya buruk kepada tetamu dan gaya hidup homoseksual semata-mata. Malah kesalahan utama adalah disebabkan oleh sikap penduduk yang tidak menghormati Yehuwa (Petrus 2:6) dan menolak haluanNya (Petrus 2:15). Kesalahan-kesalahan ini dikesan sebelum malaikat diutuskan lagi. Kehadiran malaikat ke rumah Lot hanyalah mendapatkan bukti kekejaman penduduk dan mendapati penduduk layak untuk dibinasakan.

Analisis isu keenam adalah tujuan penduduk Sodom ingin melihat tetamu Lot. Analisis mendapati tiada sebab yang kukuh untuk menjatuhkan maruah tetamu yang tidak mengganggu ketenteraman kota. Apakah lagi cuba menjatuhkan maruah sebagai tanda kemenangan. Sebaliknya tujuan mereka adalah jelas kerana mempunyai keinginan untuk melakukan seks sesama jantina. Dakwaan ini tepat dengan sikap penduduk Sodom yang memiliki nafsu yang membara terhadap seks sesama jantina (Yudas:7).

Analisis isu ketujuh adalah kesesuaian kisah Sodom sebagai pelajaran. Analisis mendapati kisah Sodom sesuai untuk menjadi contoh kepada hubungan yang berkekalan. Hubungan berkekalan yang dimaksudkan ialah hubungan di antara manusia dengan Tuhan. Hubungan seperti ini akan kekal hingga ke syurga. Contohnya Lot yang sanggup korbankan anaknya demi menjaga hubungannya dengan Yehuwa. Sebaliknya hubungan sesama manusia pula tidak akan kekal. Lebih-lebih lagi hubungan cinta yang dibina di atas nafsu seks yang melanggar peraturan Tuhan mengatasi cinta manusia kepada Tuhan.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa teks-teks kisah Sodom di dalam Bible didapati saling menunjukkan perkaitan yang jelas. Ia mampu menjadi rujukan kepada penganut agama Kristian kerana tiada bukti menunjukkan ia telah dipetik dari sumber luar.

Bible. Justeru, dapat disahkan bahawa adanya larangan seks sesama jantina di dalam Bible. Maka, keputusan ini membuktikan bahawa hubungan ini tidak diiktiraf di dalam agama Kristian.

KESIMPULAN

Kesimpulan pada keseluruhan kajian, Syaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani merupakan tokoh ulamak yang tersohor dan salah seorang penulis sastera keagamaan paling menonjol, yang telah menghasilkan beberapa teks penting di dalam bidang Tasawuf, Usuluddin dan Fekah. Beliau berasal dari wilayah Palembang, Sumatera Indonesia,. Setelah mengisi dada dengan pelbagai bidang ilmu di tanah kelahirannya sendiri, al-Falimbani meneruskan kegiatan keilmuan secara lebih mendalam di Mekah dan Madinah. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar bukan sahaja terhadap perkembangan Islam di Palembang dan Nusantara, tetapi juga kepada perkembangan penulisan ilmu-ilmu Islam di rantau ini. Ianya terbukti dengan jumlah karya yang dihasilkannya di dalam pelbagai disiplin ilmu keislaman.

BIBLIOGRAFI

- Antsey, M. P. (2019). The Case for Same-Sex Marriage. ResearchGate, 267-284.
- Bible. (2013). Kitab Suci Terjemahan Dunia Baharu- Diterjemahkan berdasarkan New World Translation of the Holly Scriptures. Pensylvania: Watch Tower Bible and Track Society.
- Brownson V. James. (2013). Bible, Gender, Sexuality. Reframing the Church's Debate on Same -Sex Relationships. Cambridge: Wm. B. Eerdmans Publishing Co.
- D. James Keneddy dan Jerry Newcombe. (2004). What's Wrong With Same-Sex Marriage? Illinois: Crossway Books.
- David G. Myers dan Letha D. Scanzoni. (2005). What God Has Joined Together? A Christian Case for Gay Marriage. Perfectbound.
- Ellens J. Harold, Donald Capps, dan Rollins G. Wayne. (2006). Sex in the Bible. A New Consideration. London: Praeger.
- Innocent Himbaza, Adrian, Schenker, Jean-Baptise Edart. (2011). The Bible on the Question of Homosexuality. Washington D.C.: The Catholic University of America Press.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Fakulti Tamadun Islam, UTM.
- Munadi. (2017). Diskursus Hukum LGBT di Indonesia. Unimal, Lhokseumawe: Unimalpress.
- Stahlberg, L. C. (2008). Modern Day Moabites: The Bible and the Debate About Same-Sex Marriage. Biblical Interpretation, 442-475.
- Vines, M. (2014). God and The Gay Christian: The Biblical Case in Support of Same-Sex Relationship. United States: Convergent Books.